



02 JAN, 2025

## Tidak wajar dinaikkan ketika kos hidup meningkat

Sinar Harian, Malaysia



## Tidak wajar dinaikkan ketika kos hidup meningkat

**BERITA** mengenai cadangan menaikkan tarif elektrik sudah semesti mengejutkan saya dan keluarga yang tergolong dalam kumpulan B40 ini.

Bagi saya, sebarang kenaikan tidak kira barang, tarif elektrik atau penarikan subsidi pada ketika ini, sangat tidak sesuai untuk dilaksanakan.

Ini kerana, rakyat kini sudah dibelenggu dengan masalah kos sara hidup. Jika benar, kenaikan tarif elektrik ini akan berlaku pada Julai 2025, saya yakin ia akan menambah beban.

Saya berharap pihak yang terlibat boleh mempertimbangkan cadangan tersebut sebelum diputuskan dengan mengambil kira aspek kehidupan dan kewangan golongan berpendapatan rendah ini.

Dalam hal ini, saya begitu mengikuti perkembangan daripada pihak kerajaan untuk tidak membenarkan sebarang ke-

“

*Ini kerana rakyat kini sudah dibelenggu dengan masalah kos sara hidup.”*



naikan yang boleh menjaskan kebanyakkan rakyat.

Jika kenaikan itu berlaku, saya yakin ramai terkesan dan mereka akan lebih berhati-hati dalam berbelanja.

\*Suri rumah, Nur Faidatul Azwa Abi Hussaini, 30